



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	REZEKI TANI RAISES PRODUCTIVITY, INCOME OF SABAH ENTREPRENEURS, BORNEO POST (KK) -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	100,000 PENTERNAK AKTOF DI KELANTAN, KELANTAN, HARAKAH -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	75 BUBU NAGA DI 7 LOKASI DIRAMPAS, LOKAL, HM -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	APMM RAMPAS 75 SET BUBU NAGA, NEGARA, KOSMO -17	
5.	PUKAT PARI ANCAM POPULASI PENYU, NEGARA, KOSMO -14	
6.	PINDA ENAKMEN UNTUK HUKUMAN LEBIH BERAT KEPADA PESALAH, NEGARA, KOSMO -14	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

18 NOV, 2021

Rezeki Tani raises productivity, income of Sabah entrepreneurs

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Rezeki Tani raises productivity, income of Sabah entrepreneurs

KENINGAU: An entrepreneur here, Ruhainei Ajak, 46, who was only able to produce around 150kg a month of keropok (fish cracker) strips, was selected as a participant in the Rezeki Tani programme.

The business owner of Ruhainei Enterprise hopes to increase production to 500kg of the product a month with an average income of RM5,000 assisted by two employees.

Ruhainei, who has been running the business for the past four years, said there were four flavours of keropok strips produced, namely milk, cheese, balado and brown sugar which were sold at RM5 per pack weighing 400 grammes.

"So far, I only promote my products through social sites such as Facebook and Whatsapp.

"Customers in the vicinity of Keningau who make reservations will come to pick up the products at my home every weekend.

"I plan to send my products to the mini-market hoping to make some progress. I also plan to invite the local community, especially women, to learn together and gain experience to open small businesses," she told Bernama.

The entrepreneur from Kampung Skim Pamalan Liawan, near here, received a set of equipment including a



Ruhainei shows her product at Kampung Skim Pamalan Liawan. — Bernama photo

So far, I only promote my products through social sites such as Facebook and Whatsapp.

Ruhainei Ajak

keropok-making machine worth RM8,400 through the Rezeki Tani programme presented by Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) deputy secretary general (development) Datuk Badrul Hisham Mohd recently.

packaging myself with the help of my children.

"I thank the ministry for its concern because with the help of this set of machine tools, I am optimistic that I can increase production, diversify my products and expand the keropok strips market in the future," she said.

Apart from Ruhainei, another Keningau woman entrepreneur Noriani Roslan from Kampung Sondoton Baru also received assistance of gas frying machine equipment, canopy and kitchen equipment worth RM8,800 through the programme for her food business that she has been running for 10 years.

Rezeki Tani's poverty eradication and income generating programme was rebranded from the Azam Tani Program with several Mafi agencies tasked with implementing the initiative including the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

The objective is to help increase the income of participants through economic projects involving agriculture and agro-food activities, besides strengthening knowledge, skills and competitiveness through training organised under the programme aimed at helping lift participants out of poverty. — Bernama

The mother of seven expressed her gratitude for the opportunity she described as a stepping stone to increase productivity and boost the potential of the product to other districts in Sabah.

She had not expect selling keropok strips to be a source of livelihood which could cover her children's school expenses.

"I work on this product on a small scale at home and have never received any help from any party. Currently, I make these keropok manually and for that reason the production is very limited. I also made the



18 NOV, 2021

Rezeki Tani raises productivity, income of Sabah entrepreneurs

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KENINGAU: An entrepreneur here, Ruhaineh Ajak, 46, who was only able to produce around 150kg a month of keropok (fish cracker) strips, was selected as a participant in the Rezeki Tani programme. The business owner of Ruhaineh Enterprise hopes to increase production to 500kg of the product a month with an average income of RM5,000 assisted by two employees.

100,000 penternak aktif di Kelantan

KOTA BHARU: Kelantan memperkenalkan sistem e-Ternak sebagai usaha memperkemas pangkalan data berkaitan jumlah haiwan ternakan ruminan di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, e-Ternak menggantikan sistem rekod manual menggunakan buku log.

Katanya, melalui kaedah itu ia akan memudahkan pengumpulan data berhubung jumlah sebenar lembu yang ada di Kelantan.

"Sistem berkenaan dikendalikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

"Melalui sistem ini, kita akan membuat pemantauan jika ada ternakan terkena jangkitan, kita akan beri rawatan," katanya selepas merasmikan Sistem e-Ternak di Hotel Ibis Styles dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Sekyen Komoditi Ternakan Bahagian Pembangunan In-



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail meneliti sistem e-Ternak.

dustri Ternakan, Dr Anisa Abu Bakar.

Oleh itu Tuan Mohd Saripudin berharap golongan penternak dapat memberi kerjasama dengan mendaftar ternakan mereka menerusi sistem tersebut.

Beliau berkata, JPV Kelantan akan turun padang untuk membantu golongan

penternak mendaftar menggunakan sistem tersebut.

Menurutnya juga sehingga kini terdapat kira-kira 100,000 penternak di Kelantan yang aktif.

Mengenai musim tengkujuh sekarang, Tuan Saripudin berkata, golongan penternak dinasihatkan membuat persiapan awal

untuk berdepan banjir.

Katanya, persiapan awal itu penting bagi mengelakkan penternak berdepan kerugian.

"Musim tengkujuh boleh membantutkan tumbesaran anak-anak haiwan ruminan yang baharu lahir khususnya lembu atau kambing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2021	HARIAN METRO	LOKAL	9



ANGGOTA APMM merampas bubu naga yang dipasang sekitar perairan Pulau Pinang.

75 bubu naga di 7 lokasi dirampas

Georgetown: Sejumlah 75 set bubu naga dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ketika rondaan Op Pertiwi di perairan negeri ini, kelmarin.

Rampasan dilakukan di tujuh lokasi berasingan di 3.7 batu nautika hingga 4.7 batu nautika barat laut Sungai Kerian.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, anggota mengesan dan merampas semua bubu yang

dipasang di perairan ini antara jam 3.40 petang hingga 6 petang.

“Bubu naga dianggarkan hampir RM9,000 itu dirampas dan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban bagi tindakan lanjut.

“Penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Penggunaan peralatan itu rosakkan ekosistem, jejas sumber nelayan lain

APMM rampas 75 set bubu naga



ANGGOTA penguat kuasa APMN merampas 75 set bubu naga di perairan berhampiran Sungai Kerian, Pulau Pinang semalam.

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN - Maritim Malaysia (APMM) merampas sebanyak 75 set bubu naga di tujuh lokasi berasingan di sekitar 3.7 hingga 4.7 batu nautika Barat Laut Sungai Kerian, dekat sini semalam.

Rampasan dilakukan semasa pasukan operasi menjalankan rondaan Op Pertiwi di perairan negeri ini kira-kira pukul 3.40 petang sehingga 6 petang.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Abd. Razak Mohamed berkata, operasi tersebut dilaksanakan hasil aduan awam serta pemantauan khusus di lokasi terlibat.

Menurutnya, hasil pemerhatian telah menemui 75 set bubu naga yang dipasang di perairan di situ dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM9,000.

"Kesemua hasil rampasan itu kemudiannya dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban untuk tinda-

kan lanjut.

"Penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Betiau memberitahu, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11 (3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan dan denda yang dikenakan tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika disabit kesalahan.

Menurutnya, orang ramai diminta menghubungi Maritim Malaysia di talian 24 jam iaitu MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Pulau Pinang di talian **04-2626146** sekiranya mempunyai sebarang laporan, aduan dan kecamasan di laut.

Kerakusan nelayan jadi punca ikon Terengganu itu semakin pupus

Pukat pariancam populasi penyu

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

MARANG – Populasi penyu di negeri ini semakin terancam ekoran tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah nelayan menggunakan pukat pari untuk menangkap ikan yang turut memerangkap spesies tersebut.

Lebih mengejutkan, siasatan pihak berkuasa mendapati sebanyak 39 ekor penyu yang kebanyakannya daripada spesies agar ditemui mati di perairan Terengganu sejak awal tahun ini akibat menjadi mangsa pukat tersebut.

Konservasi Penyu Marang (KPM) mendakwa ancaman terbesar reptilia itu bukanlah haiwan pemangsa atau sisa plastik tetapi kerakusan nelayan sendiri.

Pengasas KPM, Rani Awang mendakwa, berdasarkan pemerhatian pihaknya, kebanyakan penyu mati disebabkan penggunaan pukat pari oleh nelayan.

"Lebih menyedihkan, kami percaya penggunaan pukat pari itu bukan sahaja dilakukan nelayan asing, malah orang tempatan sendiri.

"Tahun ini sahaja, sudah lapan ekor bangkai penyu agar dan karah ditemui terdampar di perairan Pulau Kapas dan Pantai Rhu Muda di sini," katanya kepada Kosmo baru-baru ini.

Tambahnya, berdasarkan keadaan bangkai penyu-penyu yang ditemui, KPM percaya haiwan reptilia itu mati disebabkan terperangkap di dalam pukat pari yang digunakan nelayan.

Aktivis pemuliharaan penyu sejak lebih 25 tahun itu berka-



BANGKAI penyu yang dilik dengan batu selepas terperangkap dalam pukat pari nelayan di Pulau Kapas.

ta, pukat tersebut diharamkan penggunaannya di negara ini kerana akan mengaut hasil laut secara rakus sehingga menjejaskan ekosistemnya.

"Penyu merupakan haiwan yang mempunyai paru-paru dan perlu naik ke permukaan laut secara berkala untuk bernafas.

"Oleh itu, penyu yang terperangkap di dalam pukat pari akan mati ekoran tidak dapat bernafas ikut keiaziman," katanya.

Rani mendakwa, biasanya nelayan terlibat akan bertindak kejam mengikat bangkai penyu yang mati terperangkap di dalam pukat pari dengan batu.

Pukat pari

- Ditinggalkan dalam laut untuk nelayan pungut hasil
- Fungsi asal untuk menangkap ikan bersaiz besar khususnya pari
- Mata pukat bersaiz besar yang boleh memerangkap penyu
- Biasanya diletakkan pada kedudukan 30 meter dari pantai
- Diharamkan dari boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985.
- Dikesan dijual secara online pada harga RM250



RANI menunjukkan bangkai seekor penyu agar yang ditemui di pantai Pulau Kapas di sini baru-baru ini.

Beliau mendakwa, ia bertujuan sebagai pemberat agar bangkai penyu terbabit dapat ditenggelamkan ke dasar laut bagi menyembunyikan perbuatan jenayah mereka.

"Biasanya bangkai penyu ini terpisah daripada ikatan batu itu apabila sudah mereput setelah beberapa bulan sebelum timbul dan terdampar di kawasan pantai berhampiran.

"Sehubungan itu, saya kecam sikap tamak nelayan terlibat

yang masih tega menggunakan pukat pari," katanya.

Rani juga menggesa pihak berkuasa terutama Jabatan Perikanan meningkatkan penguatkuasaan bagi memantau aktiviti terbabit.

"Apalah gunanya undang-undang tanpa pemantauan dan penguatkuasaan. Jangan sampai tiada lagi penyu mendarat di Terengganu nanti, baru kita hendak menggelabah kerana tiada lagi tarikan pelancong," katanya.



SEEKOR penyu yang terperangkap di dalam pukat pari di perairan Terengganu.

Pinda enakmen untuk hukuman lebih berat kepada pesalah

KUALA TERENGGANU – Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) akan dipinda bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan kepada pihak yang menyebabkan kematian penyu di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, kerajaan negeri tidak pernah mengambil mudah kes kematian penyu yang sentiasa ada saban tahun.

Beliau berkata, 'pembunuh' penyu termasuk nelayan yang menggunakan pukat pari perlu dikenakan hukuman lebih berat bagi memberi pengajaran kepada yang lain.

"Saya akui hukuman berben-



AZMAN

tuk denda dalam enakmen sedia ada yang kali terakhir dipinda pada tahun 1980-an terjalur sehingga dipandang mudah ramai pihak.

"Sehubungan itu, kita akan meminda hukuman sesuai dengari peredaran zaman selain melambangkan keseriusan kerajaan negeri mengekang kepujusan penyu," katanya kepada Kosmo.

Azman berkata, pindaan enakmen terbabit bakal dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu tidak lama lagi.

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu, pindaan enakmen berkenaan turut akan mengharamkan penjualan telur penyu sepenuhnya.

"Sebelum ini Terengganu hanya mengharamkan penjualan telur penyu belimbing yang sebenarnya sudah lama tidak mendarat di negeri ini," katanya.